



MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 24  
No.25

**4hb Disember 1980**

*TAMBAHAN No. 82  
PERUNDANGAN (A)*

**P.U. (A) 347.**

**AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967  
DAN**

**AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967**

**PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (AUSTRALIA) 1980**

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 132 (1) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan seksyen 65A (1) Akta Petroleum *Akta 53.* (Cukai Pendapatan) 1967, Menteri membuat Perintah yang ber- *Akta 45/67.* ikut:

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai** Nama. **Dua Kali (Australia) 1980.**

2. Adalah diisytiharkan bahawa perkiraan-perkiraan yang di- *Pelepasan cukai dua kali.* nyatakan dalam Jadual telah dibuat dengan Kerajaan Australia dengan tujuan memberi pelepasan daripada cukai dua kali berhubung dengan cukai Malaysia dan cukai Australia (sebagaimana ditakrifkan mengenai tiap-tiap satunya dalam perkiraan-perkiraan itu) dan bahawa adalah bermanfaat supaya perkiraan-perkiraan itu dikuatkuasakan.

JADUAL

(Perenggan 2)

**PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN KERAJAAN AUSTRALIA BAGI MENGELAKKAN CUKAI DUA KALI DAN MENCEGAH PELARIAN FISKAL BERKENAAN DENGAN CUKAI-CUKAI ATAS PENDAPATAN**

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Australia, dengan hasrat hendak membuat suatu Perjanjian bagi mengelakkan cukai dua kali dan mencegah pelarian fiskal berkenaan dengan cukai-cukai atas pendapatan, telah bersetuju seperti berikut:

**Perkara 1**

**BIDANG DIRI**

Perjanjian ini hendaklah dipakai bagi orang-orang yang menjadi pemastautin satu daripada atau kedua-dua Negara Berjanji.

**Perkara 2****CUKAI-CUKAI YANG DILIPUTI**

1. Cukai-cukai yang sedia ada yang Perjanjian ini dipakai baginya ialah:
  - (a) di Malaysia-  
cukai pendapatan dan cukai keuntungan berlebihan; cukai pendapatan tambahan, iaitu, cukai keuntungan bijih, cukai pembangunan dan cukai keuntungan kayu; dan cukai pendapatan petroleum;
  - (b) di Australia-  
cukai pendapatan Australia, termasuk cukai tambahan ke atas amaun yang takagih dari pendapatan agihan sesuatu syarikat.
2. Perjanjian ini hendaklah juga dipakai bagi apa-apa cukai yang serupa atau sebahagian besarnya sama dengan cukai-cukai yang dikenakan oleh mana-mana satu Negara Berjanji selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sebagai tambahan kepada, atau sebagai ganti, cukai-cukai yang sedia ada. Pihak berkuasa yang kompeten bagi tiap-tiap satu Negara Berjanji hendaklah memberitahu pihak berkuasa yang kompeten bagi negara yang satu lagi itu tentang apa-apa perubahan penting yang telah dibuat dalam undang-undang percukaianya berhubung dengan cukai-cukai yang Perjanjian ini dipakai baginya.

**Perkara 3****TAKRIF AM**

1. Dalam Perjanjian ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain :
  - (a) istilah "Malaysia" ertinya Persekutuan Malaysia dan termasuk mana-mana kawasan yang bersempadanan dengan perairan Wilayah bagi Malaysia yang, menurut undang-undang antarabangsa, telah atau mungkin kemudian daripada ini ditetapkan di bawah undang-undang Malaysia mengenai pelantar benua sebagai suatu kawasan yang di dalamnya Malaysia boleh menjalankan hak-hak berkekuasaan dengan dasar laut dan tanah-tanah dan hasil-hasil buminya;
  - (b) istilah "Australia" ertinya Komanwel Australia dan termasuklah-
    - (i) Wilayah Pulau Norfolk;
    - (ii) Wilayah Pulau Christmas;
    - (iii) Wilayah Kepulauan Cocos (Keeling);
    - (iv) Wilayah Kepulauan Ashmore dan Cartier;
    - (v) Wilayah Kepulauan Coral Sea; dan
    - (vi) mana-mana kawasan yang bersempadanan dengan had kawasan Australia atau Wilayah-wilayah tersebut yang berkuatkuasa pada masa itu baginya, sejajar dengan undang-undang antarabangsa, suatu undang-undang Australia atau sesuatu Negeri atau bahagian dalam Australia, atau suatu Wilayah yang

tersebut di atas mengenai pengeksploitan apa-apa hasil bumi di dasar laut dan tanah-tanah pelantar benua;

- (c) istilah "Negara Berjanji", "suatu Negara Berjanji" dan "Negara Berjanji yang satu lagi itu" ertinya Malaysia atau Australia, sebagaimana yang dikehendaki oleh kandungan ayatnya;
- (d) istilah "orang" termasuk seorang individu suatu syarikat dan mana-mana kumpulan orang tak diperbadankan yang disifatkan sebagai orang di bawah undang-undang percukaian Negara Berjanji masing-masing;
- (e) istilah "syarikat" ertinya sesuatu pertubuhan perbadanan atau sesuatu entiti yang disifatkan sebagai suatu syarikat bagi maksud-maksud cukai;
- (f) istilah "enterprais suatu Negara Berjanji" dan "enterprais Negara Berjanji yang satu lagi itu" masing-masing ertinya suatu enterprais yang dijalankan oleh seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji dan suatu enterprais yang dijalankan oleh seorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu;
- (g) istilah "cukai" ertinya cukai Malaysia atau cukai Australia, sebagaimana yang dikehendaki oleh kandungan ayatnya;
- (h) istilah "cukai Malaysia" ertinya cukai yang dikenakan oleh Malaysia, iaitu cukai yang Perjanjian ini dipakai baginya menurut Perkara 2;
- (i) istilah "cukai Australia" ertinya cukai yang dikenakan oleh Australia, iaitu cukai yang Perjanjian ini dipakai baginya menurut Perkara 2;
- (j) istilah "pihak berkuasa yang kompeten" ertinya berkenaan dengan Malaysia, Menteri Kewangan atau wakilnya yang diberikuasa, dan berkenaan dengan Australia, Pesuruhjaya Cukai atau wakilnya yang diberikuasa.

2. Dalam Perjanjian ini, istilah-istilah "cukai Malaysia" dan "cukai Australia" tidak termasuk apa-apa penalti atau bunga yang dikenakan di bawah undang-undang percukaian mana-mana satu Negara Berjanji.

3. Berkenaan dengan pemakaian Perjanjian ini oleh suatu Negara Berjanji, apa-apa istilah yang tidak ditakrifkan selainnya hendaklah, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain, mempunyai erti yang sama seperti di bawah undang-undang percukaian bagi Negara Berjanji itu.

#### Perkara 4

##### KEMASTAUTINAN

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, seseorang adalah bermastautin dalam suatu Negara Berjanji:

- (a) berkenaan dengan Malaysia, jika orang itu bermastautin dalam Malaysia bagi maksud-maksud cukai Malaysia; dan
- (b) berkenaan dengan Australia, jika orang itu bermastautin dalam Australia bagi maksud-maksud cukai Australia.

2. Jika oleh sebab peruntukan-peruntukan di atas seorang individu adalah pemastautin bagi kedua-dua Negara Berjanji maka tarafnya hendaklah ditentukan mengikut kaedah-kaedah yang berikut:

- (a) ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin cuma bagi Negara Berjanji di mana ia mempunyai rumahtangga tetap yang boleh digunakan olehnya;
- (b) jika ia mempunyai rumahtangga tetap yang boleh digunakan olehnya di kedua-dua Negara Berjanji, atau jika ia tidak mempunyai rumahtangga tetap yang boleh digunakan olehnya di mana-mana satu Negara Berjanji itu, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin cuma bagi Negara Berjanji di mana ia mempunyai tempat tinggal yang lazim;
- (c) jika ia mempunyai tempat tinggal yang lazim di kedua-dua Negara Berjanji atau jika ia tidak mempunyai tempat tinggal yang lazim di mana-mana satu Negara Berjanji itu, ia hendaklah disifatkan sebagai pemastautin cuma bagi Negara Berjanji yang dengannya perhubungan peribadi dan ekonominya adalah lebih rapat.

3. Pada menentukan bagi maksud-maksud perenggan 2 Negara Berjanji manakah perhubungan peribadi dan ekonomi seseorang individu itu adalah lebih rapat, perkara-perkara yang mungkin diberi perhatian hendaklah termasuk kewarganegaraan seseorang individu itu.

4. Jika oleh sebab peruntukan-peruntukan perenggan 1 seseorang lain daripada seorang individu adalah pemastautin bagi kedua-dua Negara Berjanji, maka ia hendaklah disifatkan sebagai seorang pemastautin cuma bagi Negara Berjanji di tempat di mana pengurusan berkesannya itu terletak.

#### **Perkara 5**

##### **ESTABLISYMEN TETAP**

1. Bagi maksud-maksud Perjanjian ini, istilah "establisymen tetap" ertinya suatu tempat perniagaan yang tetap di mana keseluruhan atau sebahagian dari perniagaan enterprais itu dijalankan.

2. Istilah "establisymen tetap" hendaklah termasuk terutama sekali:

- (a) suatu tempat pengurusan;
- (b) suatu cawangan;
- (c) suatu pejabat;
- (d) suatu kilang;
- (e) suatu woksyp;
- (f) suatu lombong, suatu telaga minyak atau gas, suatu kuari atau mana-mana tempat lain bagi mengeluarkan hasil bumi termasuklah kayu atau lain-lain keluaran hutan;
- (g) suatu harta pertanian, ternak maun atau perhutanan;
- (h) suatu tapak bina bangunan atau projek binaan, pemasangan atau pasangan yang sedia ada selama lebih daripada enam bulan.

3. Sesuatu enterprais tidak boleh disifatkan sebagai mempunyai suatu establisymen tetap semata-mata oleh sebab:

- (a) penggunaan kemudahan-kemudahan semata-mata bagi maksud penyimpanan, pameran atau penyerahan barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu;
- (b) penyenggaraan suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu semata-mata bagi maksud penyimpanan, pameran atau penyerahan;
- (c) penyenggaraan suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu semata-mata bagi maksud di-proses oleh suatu enterprais yang lain;
- (d) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud membeli barang-barang atau dagangan, atau bagi mengumpul maklumat, untuk enterprais itu;
- (e) penyenggaraan suatu tempat perniagaan yang tetap semata-mata bagi maksud aktiviti-aktiviti yang bersifat persediaan atau tambahan untuk enterprais itu, seperti pengiklanan atau penyelidikan sains.

4. Sesuatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji hendaklah disifatkan sebagai mempunyai suatu establisymen tetap dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu dan menjalankan perniagaan melalui establisymen tetap itu jika:

- (a) ia menjalankan aktiviti-aktiviti penyeliaan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu selama lebih daripada enam bulan berkaitan dengan suatu tapakbina bangunan atau suatu projek binaan, pemasangan atau pasangan yang dijalankan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu; atau
- (b) sebahagian besar daripada kelengkapan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu sedang diguna atau dipasangkan oleh, untuk atau di bawah kontrak dengan, enterprais itu.

5. Seseorang yang bertindak dalam suatu Negara Berjanji bagi pihak suatu enterprais bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu (lain daripada seorang ejen yang bertaraf bebas yang baginya perenggan 6 dipakai) hendaklah disifatkan sebagai suatu establisymen tetap dalam Negara Berjanji yang mula-mula disebut itu, jika:

- (a) ia mempunyai dan lazimnya menjalankan dalam Negara Berjanji yang mula-mula disebut itu, suatu kuasa bagi membuat kontrak-kontrak bagi pihak enterprais itu, melainkan jika aktiviti-aktivitinya adalah terhad kepada membeli barang-barang atau dagangan untuk enterprais itu; atau
- (b) ia menyenggara dalam Negara Berjanji yang mula-mula disebut itu suatu stok barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu dari mana ia lazimnya memenuhi pesanan-pesanan bagi pihak enterprais itu; dan
- (c) tatkala bertindak sedemikian, ia mengilang atau memproses barang-barang atau dagangan kepunyaan enterprais itu dalam Negara Berjanji yang mula-mula disebut itu untuk enterprais itu.

6. Sesuatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji tidak boleh disifatkan sebagai mempunyai suatu establisymen tetap dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu semata-mata oleh kerana ia menjalankan perniagaan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu melalui seorang broker, ejen komisen am atau mana-mana ejen lain yang bertaraf bebas, di mana orang itu bertindak dalam perjalanan biasa perniagaannya sebagai broker atau ejen itu.

7. Pada hakikatnya sesuatu syarikat yang mana adalah seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji mengawal atau dikawal oleh suatu syarikat yang mana adalah seorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu atau yang menjalankan perniagaan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu (sama ada melalui suatu establisymen tetap atau selainnya) tidak dengan sendirinya menjadikan mana-mana satu syarikat itu suatu establisymen tetap bagi syarikat yang satu lagi itu.

#### **Perkara 6**

##### **PENDAPATAN DARI TANAH**

1. Pendapatan dari tanah boleh dicukai dalam Negara Berjanji di mana terletaknya tanah itu.

2. Dalam Perkara ini, perkataan "tanah" hendaklah mempunyai erti yang sama seperti di bawah undang-undang Negara Berjanji di mana terletaknya harta berkenaan itu; perkataan itu hendaklah termasuk apa-apa harta atau kepentingan secara langsung dalam tanah sama ada dimajukan atau tidak. Hak menerima bayaran-bayaran berubah atau tetap sebagai balasan bagi mengusahakan, atau hak untuk mengusahakan, longgokan mineral, telaga minyak atau telaga gas, kuari-kuari dan lain-lain tempat pengeluaran atau pengeksploitan hasil bumi atau bagi mengeksploitkan, atau hak untuk mengeksploit atau untuk menebang pokok hidup, tanam-tanaman atau keluaran hutan hendaklah disifatkan sebagai harta atau kepentingan secara langsung dalam tanah yang terletak dalam Negara Berjanji di mana terletaknya longgokan mineral, telaga minyak atau telaga gas, kuari, hasil bumi, atau pokok hidup, tanam-tanaman atau keluaran hutan itu.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 hendaklah dipakai bagi pendapatan yang diperolehi dari penggunaan secara langsung, penyewaan atau penggunaan tanah dengan apa-apa cara lain.

4. Peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 1 dan 3 hendaklah juga dipakai bagi pendapatan daripada tanah sesuatu enterprais dan bagi pendapatan daripada tanah yang digunakan bagi pelaksanaan perkhidmatan-perkhidmatan profesional.

#### **Perkara 7**

##### **PENDAPATAN ATAU KEUNTUNGAN PERNIAGAAN**

1. Pendapatan atau keuntungan sesuatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji itu sahaja, melainkan jika enterprais itu menjalankan perniagaan di Negara Berjanji yang satu lagi itu melalui sesuatu establisymen tetap yang terletak di dalamnya. Jika enterprais itu

menjalankan perniagaan seperti yang tersebut di atas, maka pendapatan atau keuntungan enterprais itu boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu, tetapi hanya di atas sekian banyak yang boleh dikaitkan dengan establisymen tetap itu.

2. Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perenggan 3, jika suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji menjalankan perniagaan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu melalui suatu establisymen tetap yang terletak di dalamnya, maka hendaklah dalam tiap-tiap satu Negara Berjanji, dikaitkan dengan establisymen tetap itu pendapatan atau keuntungan yang dijangka mungkin diperolehi olehnya jika ia adalah suatu enterprais yang berlainan dan berasingan yang menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama atau serupa di bawah keadaan-keadaan yang sama atau serupa dan menyelenggarakan urusan dengan sepenuh kebebasan dari pengaruh dengan enterprais yang mana ianya adalah suatu establisymen tetap atau dengan lain-lain enterprais yang diselenggarainya.

3. Pada menentukan pendapatan atau keuntungan suatu establisymen tetap, maka hendaklah dibenarkan sebagai potongan semua belanja enterprais, iaitu belanja-belanja (termasuk belanja-belanja menjalankan kerja dan pentadbiran am) yang ada kaitan menasabah dengan establisymen tetap dan yang boleh ditolak jika establisymen tetap itu adalah suatu entiti bebas yang menanggung belanja-belanja itu, sama ada ditanggung dalam Negara Berjanji dalam mana establisymen tetap itu terletak atau di tempat lain.

4. Tiada apa-apa jua pendapatan atau keuntungan boleh dikaitkan dengan suatu establisymen tetap semata-mata oleh sebab establisymen tetap itu membeli barang-barang atau dagangan untuk enterprais itu.

5. Jika maklumat yang didapati oleh pihak berkuasa yang kompeten bagi suatu Negara Berjanji tidak mencukupi untuk menentukan pendapatan atau keuntungan yang hendak dikaitkan dengan establisymen tetap sesuatu enterprais, maka tiada apa apa jua dalam Perkara ini boleh menyentuh pemakaian mana-mana undang-undang Negara Berjanji itu berhubung dengan penentuan tanggungan cukai seseorang dengan menggunakan budibicara atau membuat suatu anggaran oleh pihak berkuasa yang kompeten, dengan syarat bahawa undang-undang itu hendaklah dipakai, setakat mana maklumat yang didapati oleh pihak berkuasa yang kompeten itu membenarkan, mengikut prinsip-prinsip Perkara ini.

6. Jika pendapatan atau keuntungan termasuk apa-apa butiran pendapatan atau keuntungan yang diselenggarakan secara berasingan dalam Perkara lain dalam Perjanjian ini, maka peruntukan-peruntukan Perkara lain itu (kecuali jika selainnya diperuntukkan dalam Perkara itu) tidaklah tersentuh oleh peruntukan-peruntukan Perkara ini.

7. Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menyentuh kuatkuasa mana-mana undang-undang percukaian:

- (a) berkenaan dengan Malaysia,  
berhubung dengan pendapatan atau keuntungan dari suatu perniagaan insurans; dan
- (b) berkenaan dengan Australia,  
berhubung dengan insurans dengan orang-orang bukan pemastautin:

Dengan syarat bahawa jika undang-undang berkaitan yang berkuatkuasa dalam mana-mana satu Negara Berjanji pada tarikh Perjanjian ini ditandatangani diubah (kecuali mengenai hal-hal kecil supaya tidak menyentuh sifat amnya), Negara-negara Berjanji itu hendaklah berunding antara satu sama lain dengan tujuan mempersetujui terhadap apa-apa pindaan kepada perenggan ini yang mungkin wajar.

### **Perkara 8**

#### **PERKAPALAN DAN PENGANGKUTAN UDARA**

1. Pendapatan atau keuntungan dari pengendalian kapal atau kapaludara oleh seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji akan dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji itu sahaja.
2. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan 1, pendapatan atau keuntungan itu boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu jika ianya pendapatan atau keuntungan dari pengendalian kapal atau kapaludara yang dikhaskan semata-mata bagi tempat-tempat dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.
3. Peruntukan-peruntukan perenggan 1 dan 2 hendaklah dipakai berhubung dengan bahagian pendapatan atau keuntungan dari pengendalian kapal atau kapaludara yang diperolehi oleh seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji melalui penyertaan dalam suatu perkhidmatan kumpulan, dalam suatu pertubuhan pengendalian pengangkutan bersama atau dalam suatu agensi pengendalian antarabangsa.
4. Bagi maksud-maksud Perkara ini, pendapatan atau keuntungan yang diperolehi dari kapal atau kapaludara yang mengangkut penumpang, ternakan, mel, barang-barang atau dagangan yang dikapalkan dalam suatu Negara Berjanji untuk diturun atau dipunggah di suatu tempat yang lain dalam Negara Berjanji itu hendaklah disifatkan sebagai pendapatan atau keuntungan dari pengendalian kapal atau kapaludara yang dikhaskan semata-mata bagi tempat-tempat dalam Negara Berjanji itu.
5. Tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menyentuh permkaian undang-undang suatu Negara Berjanji berhubung dengan penentuan tanggungan cukai dengan menggunakan budibicara atau membuat suatu anggaran oleh pihak berkuasa yang kompeten dalam menentukan tanggungan cukai seseorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu berkenaan dengan pengendalian kapal atau kapaludara yang dikhaskan semata-mata bagi tempat-tempat dalam Negara Berjanji yang mula-mula disebut itu.



**Perkara 9****ENTERPRAIS BERSEKUTU**

## 1. Jika:

- (a) suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji menyertai secara langsung atau secara taklangsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal suatu enterprais bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu, atau;
- (b) orang-orang yang sama menyertai secara langsung atau secara taklangsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal suatu enterprais bagi suatu Negara Berjanji dan suatu enterprais bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu;

dan dalam mana-mana satu hal itu syarat-syarat adalah dibuat antara kedua-dua enterprais itu dalam hubungan perdagangan atau kewangannya yang berlainan daripada syarat-syarat yang dijangka akan dibuat antara enterprais-enterprais bersendirian yang menyelenggarakan urusan dengan sepenuh kebebasan dari pengaruh, maka apa-apa pendapatan atau keuntungan yang sepatutnya, jika tidak kerana syarat-syarat itu, yang dijangka terakru kepada satu daripada enterprais-enterprais itu, tetapi, oleh kerana syarat-syarat itu, tidak terakru sedemikian bolehlah dimasukkan dalam pendapatan atau keuntungan enterprais itu dan dicukai dengan sewajarnya.

2. Jika maklumat yang didapati oleh pihak berkuasa yang kompeten bagi suatu Negara Berjanji tidak cukup untuk menentukan pendapatan atau keuntungan yang hendak dikaitkan dengan suatu enterprais maka tiada apa-apa jua dalam Perkara ini boleh menyentuh pemakaian mana-mana undang-undang Negara Berjanji itu berhubung dengan penentuan tanggungan cukai seseorang dengan menggunakan budibicara atau membuat suatu anggaran oleh pihak berkuasa yang kompeten, dengan syarat bahawa undang-undang itu hendaklah dipakai, setakat mana maklumat yang didapati oleh pihak berkuasa yang kompeten itu membenarkan, mengikut prinsip-prinsip Perkara ini.

**Perkara 10****DIVIDEN-DIVIDEN**

1. Dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin suatu Negara Berjanji, iaitu dividen-dividen yang seorang pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu berhak mendapat faedahnya, boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

2. Dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Australia bagi maksud-maksud cukai Australia, iaitu dividen-dividen yang seorang pemastautin Malaysia berhak mendapat faedahnya, boleh dicukai di Australia mengikut undang-undang Australia, tetapi cukai yang dicaj sedemikian itu tidak boleh melebihi 15 peratus daripada amaun kasar dividen-dividen itu.

3. Tertakluk kepada perenggan 4, dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia bagi maksud-maksud cukai Malaysia, iaitu dividen-dividen yang seorang

pemastautin Australia berhak mendapat faedahnya, hendaklah dikecualikan daripada apa-apa cukai di Malaysia yang boleh dicaj atas dividen-dividen sebagai tambahan kepada cukai yang boleh dicajkan atas pendapatan atau keuntungan syarikat itu:

Dengan syarat bahawa tiada apa-apa jua dalam perenggan ini boleh menyentuh peruntukan-peruntukan undang-undang Malaysia yang di bawahnya cukai dikenakan \_dengan suatu dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang \_menjadi pemastautin Malaysia dan dari dividen itu cukai Malaysia telah, atau disifatkan telah, dipotong boleh diselaraskan mengikut kadar cukai yang sesuai dengan tahun taksiran. Malaysia selepas sahaja tahun taksiran dalam mana dividen itu telah dibayar.

4. Jika selepas tarikh Perjanjian ini ditandatangani sistem percukaian Malaysia yang sedia ada yang dipakai bagi pendapatan dan pembahagian syarikat-syarikait diubah dengan mengadakan suatu cukai ke atas pendapatan atau keuntungan suatu syarikat (yang tiada apa-apa kredit atau hanya separa kredit sahaja diberi kepada pemegang-pemegang syernya) dan cukai tambahan ke atas dividen-dividen yang dibayar oleh syarikat, maka cukai Malaysia ke atas dividen-dividen, iaitu dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia bagi maksud-maksud cukai Malaysia, dan yang seseorang pemastautin Australia berhak mendapat faedah, tidak boleh melebihi 15 peratus daripada amaun kasar dividen-dividen itu.

5. Dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin bagi suatu Negara Berjanji, iaitu dividen-dividen yang seseorang yang bukannya seorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu adalah berhak mendapat faedah, hendaklah dikecualikan daripada cukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu:

Dengan syarat bahawa perenggan ini tidak boleh dipakai berhubung dengan dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Australia bagi maksud-maksud cukai Australia dan juga menjadi pemastautin Malaysia bagi maksud-maksud cukai Malaysia.

6. Peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 1 hingga 5 tidak boleh dipakai jika orang yang berhak mendapat faedah terhadap dividen-dividen itu, iaitu seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji, ada mempunyai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu, di mana syarikat yang membayar dividen-dividen itu ber-mastautin, suatu establisymen tetap yang bersangkutan secara berkesan dengan pemegangan yang oleh sebabnya dividen-dividen itu dibayar. Dalam hal yang demikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah dipakai.

7. Divide:n-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia hendaklah termasuk dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Singapura yang bagi maksud dividen-dividen itu telah mengisytiharkan dirinya sebagai pemastautin Malaysia, tetapi tidaklah termasuk dividen-dividen yang dibayar oleh suatu syarikat yang menjadi pemastautin Malaysia yang bagi maksud dividen-dividen itu telah mengisytiharkan dirinya sebagai pemastautin Singapura.

8. Istilah "dividen-dividen" dalam Perkara ini termasuklah apa-apa butiran yang, di bawah undang-undang Negara Berjanji yang syarikat yang membayar dividen itu menjadi pemastautin, dianggapkan sebagai dividen sesuatu syarikat.

9. Tiada apa-apa jua dalam Perjanjian ini boleh ditafsirkan sebagai menghalang suatu Negara Berjanji daripada mengenakan ke atas pendapatan suatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu, cukai sebagai tambahan kepada cukai yang boleh dikenakan ke atas pendapatan yang boleh dicaj atau pendapatan yang boleh dicukai, mengikut mana yang berkenaan, bagi suatu syarikat yang menjadi pemastautin Negara Berjanji yang mula-mula disebut itu :

Dengan syarat bahawa apa-apa cukai tambahan yang dikenakan sedemikian oleh Negara Berjanji yang mula-mula disebut itu tidak boleh melebihi 15 peratus daripada amaun yang menurutnya pendapatan yang boleh dicaj atau pendapatan yang boleh dicukai bagi tahun taksiran atau tahun pendapatan melebihi cukai yang sepatutnya kena dibayar ke atas pendapatan itu jika syarikat itu tidak menjadi pemastautin Negara Berjanji yang mula-mula disebut itu.

#### **Perkara 11**

##### **BUNGA**

1. Bunga yang terbit dalam suatu Negara Berjanji, iaitu bunga yang seorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu berhak mendapat faedahnya, boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

2. Bunga itu boleh dicukai dalam Negara Berjanji di mana bunga itu terbit, dan mengikut undang-undang Negara Berjanji itu, tetapi cukai yang dicaj sedemikian tidak boleh melebihi 15 peratus daripada amaun kasar bunga itu.

3. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan 2, bunga yang seorang pemastautin Australia berhak mendapat faedahnya hendaklah dikecualikan daripada cukai Malaysia jika pinjaman itu atau lain-lain hutang yang bunga dibayar mengenainya adalah suatu pinjaman yang diluluskan atau suatu pinjaman jangka panjang sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 2 (1) Akta Cukai Pendapatan 1967 bagi Malaysia (sebagaimana dipinda).

4. Peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 1, 2 dan 3 tidak boleh dipakai jika orang yang berhak mendapat faedah terhadap bunga itu, yang menjadi seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji, mempunyai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu di mana bunga itu terbit suatu establisymen tetap yang bersangkutan secara berkesan dengan tuntutan-hutang yang bunga, dibayar mengenainya. Dalam hal yang demikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah dipakai.

5. Bunga hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam suatu Negara Berjanji jika pembayar bunga itu adalah Negara Berjanji itu sendiri atau suatu bahagian-kecil politik, suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya, atau seorang pemastautin bagi Negara Berjanji itu bagi maksud-maksud cukainya. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar bunga itu, sama ada ia

seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji atau bukan, mempunyai dalam suatu Negara Berjanji suatu establisymen tetap yang berkenaan dengannya hutang yang dari mana bunga itu dibayar telah dilakukan, dan bunga itu ditanggung oleh establisymen tetap itu, maka bunga itu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam Negara Berjanji di mana establisymen tetap itu terletak.

6. Jika pembayar itu ada perhubungan dengan orang yang berhak mendapat faedah itu dan amaun bunga yang dibayar itu, dengan memberi perhatian kepada tuntutan-hutang yang baginya bunga itu dibayar, adalah lebih daripada amaun yang dijangka akan dipersetujui oleh pembayar dan orang yang berhak itu jika tidak adanya perhubungan itu, maka peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dipakai hanya bagi amaun yang disebut terakhir itu sahaja. Dalam hal yang sedemikian, bahagian bayaran yang berlebihan daripada bayaran itu hendaklah tetap kena dikenakan mengikut undang-undang tiap-tiap satu Negara Berjanji dengan memberi perhatian kepada peruntukan-peruntukan lain dalam Perjanjian ini. Bagi maksud-maksud perenggan ini, seseorang itu ada perhubungan dengan seorang lain jika salah seorang menyertai secara langsung atau secara taklangsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal orang yang lain itu, atau jika seorang atau beberapa orang yang ketiga menyertai secara langsung atau secara taklangsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal kepunyaan kedua-dua orang itu.

7. Istilah "bunga" dalam Perkara ini ertinya bunga dari sekuriti Kerajaan, atau dari bon atau dibentur, sama ada atau tidak dicagarkan dengan gadaijanji dan sama ada atau tidak memegang hak untuk menyertai dalam keuntungan-keuntungan dan dari tiap-tiap jenis tuntutan-hutang dan juga dari lain-lain pendapatan yang diasimilasikan dengan bunga dari wang yang dipinjamkan mengikut undang-undang percukaian bagi Negara Berjanji di mana terbitnya pendapatan itu.

## **Perkara 12**

### **ROYALTI-ROYALTI**

1. Royalti-royalti yang terbit dalam suatu Negara Berjanji, iaitu royalti-royalti yang seorang pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu berhak mendapat faedahnya, boleh dikenakan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

2. Royalti-royalti itu boleh dikenakan dalam Negara Berjanji di mana royalti-royalti itu terbit, dan mengikut undang-undang Negara Berjanji itu tetapi cukai yang dicaj sedemikian tidak boleh melebihi 15 peratus daripada amaun kasar royalti-royalti itu.

3. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan 2, royalti-royalti perindustrian yang diluluskan yang diperolehi dari Malaysia oleh seorang pemastautin Australia yang menjadi pemunya benefisial royalti-royalti itu hendaklah dikecualikan dari cukai Malaysia.

4. Peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 1, 2 dan 3 tidak boleh dipakai jika orang yang berhak mendapat faedah royalti-royalti itu, yang menjadi seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji mempunyai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu di

mana royalti-royalti itu terbit suatu establisymen tetap yang bersangkutan secara berkesan dengan hak, harta, pengetahuan, maklumat atau bantuan yang berkenaan dengannya royalti-royalti itu terbit. Dalam hal yang sedemikian, peruntukan-peruntukan Perkara 7 hendaklah dipakai.

5. Royalti-royalti hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam suatu Negara Berjanji jika pembayar itu adalah Negara Berjanji itu sendiri atau suatu bahagian kecil politik, suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya, atau seorang pemastautin Negara Berjanji itu bagi maksud-maksud cukainya. Walau bagaimanapun, jika orang yang membayar royalti-royalti itu, sama ada ia seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji atau bukan, mempunyai dalam suatu Negara Berjanji suatu establisymen tetap yang berkenaan dengannya tanggungan untuk membayar royalti-royalti itu telah dilakukan, dan royalti-royalti itu ditanggung oleh establisymen tetap itu, maka royalti-royalti itu hendaklah disifatkan sebagai terbit dalam Negara Berjanji di mana establisymen tetap itu terletak.

6. Jika pembayar itu ada perhubungan dengan orang yang berhak mendapat faedah royalti-royalti itu dan amaun royalti-royalti yang dibayar atau dikreditkan, dengan memberi perhatian kepada penggunaan, hak untuk mengguna, atau maklumat pengetahuan atau bantuan yang kerananya royalti-royalti itu dibayar atau dikreditkan, adalah lebih daripada amaun yang dijangka akan dipersetujui oleh pembayar dan orang yang berhak itu jika mereka itu tidak ada perhubungan, maka peruntukan-peruntukan Perkara ini hendaklah dipakai hanya bagi amaun yang disebut terakhir itu sahaja. Dalam hal yang sedemikian, bahagian berlebihan royalti-royalti itu yang dibayar atau dikreditkan itu tetaplah kena dicukai mengikut undang-undang tiap-tiap satu Negara Berjanji, dengan memberi perhatian kepada peruntukan-peruntukan yang lain dalam Perjanjian ini. Biagi maksud-maksud perenggan ini, seseorang itu ada perhubungan dengan seorang lain jika salah seorang menyertai secara langsung atau secara taklangsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal orang yang lain itu, atau jika seorang atau beberapa orang yang ketiga menyertai secara langsung atau secara taklangsung dalam pengurusan, pengawalan atau modal kepunyaan kedua-dua orang itu.

7. Istilah "royalti-royalti" dalam Perkara ini ertinya apa-apa jenis bayaran atau kredit setakat yang diterima sebagai balasan kerana:

- (a) mengguna, atau hak untuk mengguna, apa-apa-
  - (i) hakcipta, paten, rekabentuk atau modal, pelan, formula atau proses rahsia, cap dagangan atau lain-lain harta atau hak seperti itu;
  - (ii) kelengkapan perindustrian, perdagangan atau sains; atau
  - (iii) filem wayang gambar atau pita untuk siaran radio atau televisyen;
- (b) memberi pengetahuan atau maklumat sains, teknik, perindustrian atau dagangan;

- (c) memberi apa-apa bantuan sebagai tambahan kepada, dan diberi sebagai satu cara membolehkan diguna atau dinikmati, apa-apa hak atau harta seperti yang diperihalkan dalam perenggan (a) (i), apa-apa kelengkapan seperti yang diperihalkan dalam perenggan (a) (ii), atau apa-apa pengetahuan atau maklumat seperti yang diperihalkan dalam perenggan (b); atau
- (d) forbearans sepenuhnya atau sebahagiannya mengenai penggunaan hak atau harta yang disebut dalam perenggan ini.

8. Istilah "royalti-royalti perindustrian yang diluluskan" dalam Perkara ini ertinya royalti-royalti sebagaimana yang ditakrifkan dalam perenggan 7 yang diluluskan dan diperakui oleh pihak berkuasa yang kompeten bagi Malaysia sebagai kena dibayar bagi maksud menggalakkan kemajuan perindustrian di Malaysia dan yang kena dibayar oleh sesuatu enterprais yang kesemuanya atau terutamanya mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang termasuk dalam satu daripada kelas-kelas berikut:

- (a) pengilangan, pemasangan atau pemerosesan;
- (b) pembinaan, kejuruteraan awam atau pembinaan kapal; atau
- (c) elektrik, kuasa haiderol, gas atau bekalan air.

9. Royalti-royalti yang diperolehi oleh seorang pemastautin Australia, iaitu royalti-royalti yang mana, sebagai sewaan filem, adalah tertakluk kepada duti sewa-filem wayang gambar di Malaysia, tidak boleh dikenakan cukai Malaysia.

### **Perkara 13**

#### **PEMBERIAN MILIK TANAH**

Pendapatan atau keuntungan dari pemberian milik tanah sebagaimana ditakrifkan dalam Perkara 6 boleh dicukai dalam Negara Berjanji di mana tanah itu terletak.

### **Perkara 14**

#### **PERKHIDMATAN DIRI**

1. Tertakluk kepada Perkara-perkara 15, 18, 19 dan 20, saraan (lain daripada pencen) yang diperolehi oleh seorang individu yang menjadi pemastautin bagi suatu Negara Berjanji berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan diri (termasuk profesional) boleh dicukai hanya dalam Negara Berjanji itu melainkan jika perkhidmatan-perkhidmatan itu dilaksanakan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu. Jika perkhidmatan-perkhidmatan itu dilaksanakan sedemikian itu, maka apa-apa saraan yang diperolehi daripadanya boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

2. Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan 1, saraan (lain daripada pencen) yang diperolehi oleh seorang individu yang menjadi pemastautin bagi suatu Negara Berjanji berkenaan dengan

perkhidmatan-perkhidmatan diri (termasuk profesional) yang dilaksanakan dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji yang mula-mula disebut itu, jika:

- (a) penerima berada dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu selama suatu tempoh atau tempoh-tempoh yang jumlah kesemuanya tidak lebih daripada 183 hari dalam tahun asas atau tahun pendapatan, mengikut mana yang berkenaan, Negara Berjanji yang satu lagi itu;
- (b) saraan dibayar oleh, atau bagi pihak, seseorang yang bukannya seorang pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu; dan
- (c) saraan itu tidak boleh dipotong pada menentukan keuntungan yang boleh dicukai bagi suatu establisymen tetap yang dipunyai oleh orang itu dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

3. Walau apa pun peruntukan-peruntukan tersebut di atas dalam Perkara ini, saraan berkenaan dengan sesuatu pekerjaan yang dijalankan dalam kapal atau kapaludara yang dikendalikan dalam lalulintas antarabangsa oleh seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji boleh dicukai dalam Negara Berjanji itu.

#### **Perkara 15**

##### **FEE PENGARAH-PENGARAH**

Walaupun apa pun peruntukan-peruntukan Perkara 14, fee pengarah dan bayaran-bayaran seumpamanya yang diperolehi oleh seorang pemastautin bagi suatu daripada Negara Berjanji atas sifatnya sebagai ahli lembaga pengarah sesuatu syarikat yang menjadi pemastautin bagi Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dicukai dalam Negara Berjanji yang satu lagi itu.

#### **Perkara 16**

##### **PENGHIBUR-PENGHIBUR**

1. Walaupun apa pun peruntukan-peruntukan Perkara 14, pendapatan yang diperolehi oleh penghibur-penghibur (seperti seniman pentas, wayang gambar, radio atau televisyen dan ahli muzik serta olahragawan) dari aktiviti-aktiviti persendirian sebagai demikian boleh dicukai dalam Negara Berjanji di mana aktiviti-aktiviti itu dijalankan.

2. Jika pendapatan mengenai aktiviti-aktiviti persendirian yang dijalankan oleh seorang penghibur sebagai sedemikian terakru bukan kepada penghibur itu tetapi kepada seorang orang lain, maka pendapatan itu boleh, walaupun apa pun peruntukan-peruntukan Perkara-perkara 7 dan 14, dicukai dalam Negara Berjanji di mana aktiviti-aktiviti penghibur itu dijalankan.

3. Peruntukan-peruntukan perenggan-perenggan 1 dan 2 tidak boleh dipakai bagi saraan atau keuntungan-keuntungan yang diperolehi dari aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam suatu Negara Berjanji yang ada kaitan secara langsung dengan lawatan ke Negara Berjanji itu yang diuruskan oleh, dan ditanggung secara langsung atau secara taklangsung pada keseluruhan atau sebahagian besarnya daripada wang awam Negara Berjanji yang satu lagi itu atau suatu bahagian-kecil politik, suatu pihak berkuasa tempatan atau badan berkanunnya.

**Perkara 17****PENCEN DAN ANUITI**

1. Apa-apa pencen (lain daripada pencen dari jenis yang disebut dalam Perkara 18) atau lain-lain bayaran seumpamanya atau apa-apa anuiti yang dibayar kepada seorang pemastautin bagi suatu Negara Berjanji itu boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji itu.
2. Istilah "anuiti" bermakna sejumlah wang tertentu yang kena dibayar berkalah-kala pada masa-masa tertentu, sepanjang hayat atau sepanjang tempoh masa yang tertentu atau yang boleh ditentukan, yang berkewajipan membuat bayaran menggantikan balasan yang cukup dan sepenuh dengan wang atau yang boleh dinilai dengan wang.
3. Apa-apa alimoni atau lain-lain bayaran saraan hidup yang terbit dalam suatu Negara Berjanji dan dibayar kepada seorang pemastautin Negara Berjanji yang satu lagi itu boleh dikenakan cukai hanya dalam Negara Berjanji yang mula-mula disebut itu.

**Perkara 18****PERKHIDMATAN KERAJAAN**

